

undang-undang sedia ada termasuklah Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Kuasa menjalankan siasatan dan kuasa mendakwa di Mahkamah adalah terletak kepada dua (2) organisasi yang berbeza. Ini penting agar setelah siasatan dijalankan, kertas-kertas siasatan akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk keputusan dan arahan lanjut. Tertakluk kepada sifat kesalahan dan berdasarkan kepada keterangan yang diperoleh hasil siasatan, Jabatan Peguam Negara akan memutuskan kes-kes yang dikemukakan akan didakwa di bawah peruntukan undang-undang yang bersesuaian.

Dalam hal ini, Kementerian melalui SKMM sentiasa memberikan kerjasama dan bantuan teknikal kepada PDRM dan agensi penguatkuasa lain seperti KPDNKK, JAKIM dan sebagainya dalam proses siasatan mereka apabila diminta.

Bagi tempoh Januari hingga September 2015, sebanyak 10 kes telah didakwa di Mahkamah atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 termasuklah kesalahan di platform media sosial. Selain itu, sebanyak 1,263 laman sesawang telah disekat akses atas pelbagai kesalahan di bawah peruntukan undang-undang Malaysia sedia ada.